

PM mahu rakyat bangga dengan sikap toleransi

OM 4 FEB 2000

KUALA LUMPUR 3 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata rakyat Malaysia boleh berbangga dengan sikap toleransi yang diamalkan selama ini dan berharap ia dapat diteruskan kerana terbukti banyak membawa kejayaan kepada kestabilan negara.

“Kita adalah terdiri daripada masyarakat yang berfikiran waras serta sentiasa menghargai keharmonian dan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama,” katanya.

Dr. Mahathir menyata-

kan demikian pada perutusan bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali kepada seluruh masyarakat Tionghua yang akan menyambut Tahun Baru Cina pada 5 dan 6 Februari ini.

Perutusan Dr. Mahathir itu yang dikeluarkan menerusi Jabatan Perdana Menteri hari ini menambah, kehidupan kaum minoriti di Malaysia amat bertuah.

“Walaupun negara ini ditadbir oleh orang yang menganut agama Islam, ia tidak pernah menyekat penganut agama lain daripada meneruskan faham-

an dan menjalankan kegiatan keagamaan dan kebudayaan kaum mereka,” jelasnya.

Beliau berharap sikap toleransi rakyat dapat diteruskan ketika menyambut Tahun Baru Cina sambil meneruskan tradisi saling mengunjung ke rumah terbuka rakan-rakan yang menyambut perayaan itu.

Dr. Mahathir juga yakin sambutan tahun naga bagi Tahun Baru Cina kali ini akan menjadi lebih meriah kerana ia berlangsung ketika negara sudah bebas daripada tekanan ekonomi.

Menurut beliau, rakyat sewajarnya bersyukur kerana negara ini tidak terjejas teruk semasa kegawatan ekonomi melanda rantau ini.

Katanya, kegawatan ekonomi seharusnya dijadikan iktibar kerana telah berlaku kehancuran di negara lain akibat daripada keadaan tersebut.

“Di masa kita menyambut kedatangan tahun baru dalam keadaan gembira, meriah dan tenteram, ada penduduk di negara lain yang menyambutnya dalam kesedihan dan ketakutan,” katanya.